

**ANALISIS KONTRASTIF DALAM PENGGUNAAN GENDER (المذكر والمؤنث)
ANTARA BAHASA ARAB DAN MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR
KEJURUTERAAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

*CONTRASTIVE ANALYSIS OF GENDER (المذكر والمؤنث) IN THE USE OF ARABIC AND
MALAY LANGUAGE AMONG ENGINEERING STUDENTS OF UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG*

Mohammad Baihaqi Hasni¹
Farah Hanan Aminallah²

Abstract

Kertas ini akan menganalisis kontrastif penggunaan gender (المذكر والمؤنث) kata nama kalimah Bahasa Arab dan Bahasa Melayu oleh pelajar kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang. Kemahiran mengenal dan menggunakan kata gender sangat penting bagi menghasilkan ayat yang betul dan tepat. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Data bagi kajian ini diperolehi melalui kertas ujian yang telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar sarjana muda kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang yang mengambil kursus bahasa Arab (Beginner). Pelajar dipilih secara rawak berdasarkan waktu pembelajaran Bahasa Asing. Daripada analisis data yang dilakukan, permasalahan ini berlaku kerana kekeliruan pelajar mengenal bentuk dan jenis perkataan lelaki dan perempuan yang pelbagai dalam bahasa Arab. Selain itu, pengaruh bahasa pertama dan budaya juga didapati menjadi faktor penyumbang kepada masalah tersebut. Kesalahan menggunakan kata gender yang betul berdasarkan sistem tatabahasa bahasa Arab akan menyebabkan makna dan maklumat yang hendak disampaikan tidak tercapai. Selain itu, proses pembelajaran dan penggunaan bahasa juga sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor selain linguistik.

Keywords: *kontrastif, gender, Bahasa Arab*

¹ Guru Bahasa, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Tel: +60177254186 E-mail: baihaqi@ump.edu.my

² Guru Bahasa, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Tel: +60132449241 E-mail: fhanan@ump.edu.my

Abstract

This paper has contrastively analyzed the use of noun phrase gender (المذكر والمؤنث) in Arabic and English by the engineering students of Universiti Malaysia Pahang. The skill and right use of gender of the noun phrase are important to produce a verse that is correct and accurate. This study uses the descriptive qualitative approach. Data for this study is obtained through the test paper carried out on 30 students of Bachelor engineering from the Universiti Malaysia Pahang who enrolled in the Arabic language course (Beginner). Students are randomly selected based on the foreign language learning period. From the analysis, problems occur because of the students' confusion to recognize the various nature and type of the word men and women in Arabic. In addition, the influence of the first language and culture are also found to be the contributing factors to the problem. The error of using the correct nouns of the gender based on Arabic grammar will result in different meaning of word and incomplete information. Furthermore, the learning process and the use of language are also influenced by other factors than linguistics.

Keywords: Contrastive, gender, Bahasa Arab

2017 GBSE Journal

Pendahuluan

Bidang komunikasi dan kemahiran berbahasa adalah amat penting dan perlu dititik beratkan oleh pelajar di pusat pengajian tinggi demi melahirkan modal insan yang mempunyai nilai tambah yang dikehendaki oleh dunia pekerjaan juga untuk tujuan komunikasi termasuk komunikasi antarabangsa (Sahrir, 2013) seperti digunakan untuk bercakap ataupun menulis dalam bahasa Arab. Pengajian Bahasa Arab ditawarkan di UMP khususnya lebih menjurus kepada tujuan asas komunikasi dan pemahaman teks peringkat asas bagi melahirkan graduan yang mampu komunikasi dengan masyarakat antarabangsa. Bersesuaian dengan visi Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu ‘menjadi Universiti teknologi bertaraf dunia’, UMP turut mempertengahan dengan memperkenalkan subjek bahasa Asing dikalangan pelajar yakni mewajibkan setiap pelajar Ijazah Sarjana Muda mengikuti satu kursus bahasa Asing selama 2 semester dalam tempoh pengajian masing-masing bagi melengkapkan kemahiran multi bahasa di kalangan pelajar-pelajar UMP. Menurut (Ahmad Muradi, 2014), pengajaran bahasa komunikasi adalah untuk menjadikan pelajar itu mampu berkomunikasi dalam pelbagai situasi. Pelbagai cara dan kaedah pengajaran telah diperkenalkan dan diguna pakai dalam pengajaran bahasa Arab kepada bukan penutur arab. Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua bukanlah perkara yang mudah bagi pelajar, terutama dalam dikalangan pelajar yang tidak terdedah secara langsung kepada situasi dan persekitaran sebenar bahasa Arab itu digunakan (Baharuddin, 2012). Pemilihan kaedah pengajaran yang betul, serta kaedah-kaedah yang sesuai dengan keadaan pelajar dapat membantu dalam memudahkan proses pembelajaran. Memandangkan proses pembelajaran bahasa Arab kepada bukan penutur jatinya ini bukanlah satu perkara yang mudah, lantaran terdapat pelbagai cabaran dan masalah yang dihadapi. Bagi pelajar Melayu, ramai yang mengalami kekeliruan dalam mengenal pasti struktur kalimah arab yang sangat terperinci, maka ramai yang suka membuat persamaan dengan struktur bahasa ibunda. Ini menyebabkan struktur ayat bahasa Arab yang

betul telah hilang kerana terpengaruh dengan struktur ayat bahasa Melayu (Al-Amin ,2011). Sebagai satu usaha untuk mengatasi permasalahan yang sedang berlaku, makalah ini akan membincangkan tentang kekeliruan dalam pengenal gender akibat pengaruh bahasa ibunda yang menjejaskan kemampuan pelajar untuk mengenal pasti gender dalam kosa kata bahasa Arab yang betul semasa berkomunikasi atau pun menulis ayat sempurna. Tumpuan kajian hanya tertumpu kepada aspek yang berkaitan dengan lexis kata nama (الاسم). Beberapa cadangan untuk mengatasi permasalahan dan penambahbaikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab turut dicadangkan dalam kertas kerja ini.

Objektif Kajian

- Mengenalpasti perbezaan gender dalam bahasa Arab dan Bahasa Melayu
- Mengenal pasti, menghuraikan dan mengelaskan leksikal Bahasa Arab berdasarkan unsur gender
- Mencadangkan penyelesaian berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis kontrastif.

Permasalahan dan Persoalan

- Bagaimana jenis kalimat gender bahasa Arab?
- Bagaimana jenis kalimat gender bahasa Melayu (Malaysia)?
- Apa perbezaan dan persamaan antara jenis kalimat gender bahasa Arab dengan jenis kalimat gender bahasa Melayu dari segi bentuk dan makna?
- Bagaimana implikasinya dalam pembelajaran bahasa Arab?

Latar Belakang Kajian

Analisis kontrastif (المنهج التقابلي) merupakan metode yang sering digunakan dalam kajian pembelajaran bahasa asing. Menurut Kamarul Syukri Mat Teh (2014) analisis kontrastif merupakan perbandingan struktur bahasa ibunda dengan struktur bahasa asing yang dipelajari untuk mengenali perbezaan di antara kedua bahasa itu. Pendekatan ini mengandaikan bahawa pelajar bahasa kedua atau pelajar bahasa asing akan menerima dengan mudah unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka. Menurut Jamali, H. N. dan rakan-rakan Sebaliknya unsur-unsur yang berbeza akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka (Brown, 2000). Perbezaan ini menjadi kayu ukur dalam mengesan kekeliruan dan kesukaran pelajar bagi mempelajari bahasa asing tersebut. Menurut (SALATIGA, S. T. A. I. N. (2014) dalam proses mempelajari bahasa Arab, masalah yang sering dihadapi oleh seseorang pelajar ialah untuk memulakan penulisan juga cuba untuk memulakan bicara. Mereka keliru memilih bentuk pembinaan ayat yang sesuai dan betul seterusnya menggunakannya dalam ayat. Perbezaan lexis gender yang agak ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Arab menyebabkan kekeliruan yang menyebabkan struktur ayat bahasa Arab yang betul menjadi kucar kacir dan tidak teratur (Al-Amin ,2011). Corder (1967) menjelaskan bahawa gangguan bahasa ibunda wujud apabila tabiat (bentuk, sistem atau hukum) bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalangnya daripada memperoleh bentuk, sistem atau hukum dalam bahasa kedua. Dalam proses pembelajaran bahasa Arab, pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda ini menimbulkan kesukaran bagi pelajar terutamanya dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat-ayat bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih rumit apabila pelajar tidak

dapat menguasai tatabahasa dalam bahasa Arab dengan baik. Akibatnya, pelajar akan melakukan pelbagai kesalahan bahasa dalam penulisan dan pertuturan (Rosni, 2012). Ramai pelajar yang gagal dalam memahami istilah definisi atau elemen tatabahasa dalam bahasa ibunda mereka, bagaimana pula dengan mereka yang baru mempelajari bahasa asing (Kamarul Syukri Mat Teh, 2014). Namun begitu perbezaan yang ketara dari sudut tatabahasa, linguistik dan morfologi antara dua bahasa memberi implikasi yang besar terutama dari sudut komunikasi dan penulisan (Mohammad Ahyari Ridwan 2011/2012). Sudah ada banyak kajian yang membincangkan gender namun pada hemat pengkaji, belum ada kajian yang mendalam keadaan kontrasif kata nama gender Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan salah satu rintisan untuk meneliti aspek bahasa dan gender kedua-dua bahasa sasaran.

Perbahasan

Ahli Bahasa terdahulu telah mengklasifikasikan lafaz perkataan kepada 2 kumpulan iaitu lelaki dan perempuan. Menurut (Bahauddin Bin Nuhas dalam Al-suyuti) sesungguhnya kalimah merupakan lexis gender perempuan dan tiada lexis kata lelaki, namun akibat takut akan lambakkan pada lafaz maka ahli bahasa telah membahagikan perkataan kepada lexis kata lelaki dan perempuan. Mereka membahagikan kepada beberapa bahagian seperti kata sifat (الصفة) dan kata nama (الاسم). Teori ini disokong oleh bahasa lain seperti bahasa Hindu dan bahasa Eropah berdasarkan kitab (Al- Bulghah, 38). Namun penulis tidak dapat mengiyakan dan menafikan teori ini kerana akan memaksa kita kembali beribu-ribu ke belakang ketika bermulanya penciptaan bahasa itu sendiri. Dalam penggunaan bahasa Arab, ia seerti dengan perkataan al- jins dan al-naw 'atau pun al- naw 'al-ijtima 'i tetapi perkataan al-naw 'al-ijtima 'i telah diterima pakai berbanding perkataan al-jins. Istilah gender diambil dari bahasa arab *Al-Jindar Atau Alnaw-Al-Ijtima* 'I lalu diserap ke dalam bahasa melayu dengan ejaan yang sama iaitu gender. Namun terdapat usaha untuk mengarabkan perkataan Inggeris tersebut ke dalam leksikon Arab menjadi al-jendar. Namun, istilah ini masih tidak diterima sepenuhnya dalam khalayak intelek Arab, khususnya para ulama. Mereka berpendapat pengertian perkataan gender masih lagi kabur dan berasaskan peradaban Barat, sedangkan pemikiran Arab mempunyai piawai khusus, tidak menerima melainkan hanya konsep yang jami 'dan mani 'sahaja. Menurut kitab (المعجم المفصل في المذكر والمؤنث 8-9) setiap bahasa mempunyai perbezaan dalam pembahagian gender seperti Bahasa Parsi tidak mempunyai gender. Bahasa البانتو yang digunakan oleh satu bangsa di selatan afrika membahagikan gender kepada benda hidup dan benda mati. Manakala sebahagian bahasa eropah membahagikan kata nama kepada iaitu lelaki dan perempuan dan ada juga yang membahagikan kepada 3, lelaki, perempuan dan natural seperti Bahasa Perancis. Menurut Brockleman, tiada pembahagian gender dalam bahasa Kuno (اللغة السامية) dan hanya berlaku kepada perubahan dalam pembahagian gender pada zaman baru. Kesan- Kesan teologi dan kepercayaan juga menjadi faktor pada pembahagian gender. Dari aspek Bahasa, gender merupakan salah satu topik yang amat diminati dalam ilmu bahasa, terutamanya dalam bidang sociolinguistik. Mencipta perkataan gender sudah menjadi amalan lumrah dalam semua bahasa, khususnya untuk membezakan perkataan yang digunakan bagi merujuk kepada lelaki atau wanita. Hal ini dikatakan terjadi kerana dominasi lelaki dalam masyarakat kebapaan (*patriarchal*) pada masa dahulu. Dalam peredaran masa pula, wujud pula kecenderungan di kalangan kaum wanita untuk mencipta atau mewujudkan perkataan yang merujuk kepada gender mereka. Justeru wujudlah perkataan-perkataan seperti *biduanita*, *mahasiswi*, dan *wirawati* dalam bahasa Melayu untuk merujuk kepada kaum wanita.

1) Jenis Gender Dalam Bahasa Arab

Bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa yang meletakkan gender kepada semua kosa kata kecuali kolompok huruf (الحرف) berbanding bahasa-bahasa lain di dunia. Gender dalam bahasa arab merangkumi lexis kata nama (الاسم) dan penulis membahagikan kepada beberapa jenis kumpulan berdasarkan pentakrifan kata nama dalam Bahasa Arab.

تعريف الإسم في اللغة العربية:

هو كلّ ما يدلّنا على معنى غير مقترن بزمن معيّن، وهو يشير إلى إنسان، أو حيوان، أو نبات، أو مكان، أو صفة، أو زمان بدون التقيد بزمن حدوث الشيء.

JADUAL 1: PEMBAHAGIAN KATA NAMA (الاسم) BAHASA ARAB

الاسم	الإنسان	الحيوان	المكان	الجماد	النبات	الصفة
المثال	محمد	ثعلب	باهنج	كرسي	عنب	وسيم
	ذوليخة	ناقة	سلنجور	مكتب	ذرة	جميل

Pada asasnya, untuk mengenali gender perkataan dalam Bahasa Arab, guru sering memberitahu ciri-ciri atau tanda-tanda bagi mengenali gender perkataan tersebut. Berdasarkan tanda-tanda tersebut pelajar dengan mudah dapat menentukan gender kata nama tersebut:

JADUAL 2: TANDA – TANDA GENDER PADA KATA NAMA BAHASA ARAB

علامات التذكير	علامات التأنيث
<p>المذكر هو الأصل، لم يُخْتَج فيه إلى علامة</p> <p>مثل : محمد - قمر - قط - كرسي - عنب.</p>	<p>التاء المربوطة :</p> <p>مثل :فاطمة - أمينة - مدرسة - سمية</p> <p>ألف التأنيث المقصورة :</p> <p>مثل :ليلي - رضوى - سلوى - نجوى - فضلى</p> <p>ألف التأنيث الممدودة :</p> <p>مثل :أسماء - نجلاء - صحراء - هيفاء.</p>

2) Jenis Gender Dalam Bahasa Melayu

Kata nama menurut Nik Safiah Karim (2013) kata nama ialah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama dan perkataan demikian menamakan orang, haiwan, benda atau konsep. Kata nama dalam bahasa Melayu terbahagi kepada tiga jenis iaitu kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama. Namun dalam pembahagian gender, Bahasa Melayu hanya meletakkan gender pada nama, makna orang, haiwan. Misalnya perkataan wira dan wirawati yang merujuk kepada lelaki dan perempuan yang gagah dan berani, manakala perkataan kakak lazimnya digunakan untuk menggambarkan rupa paras seorang jejaka, iaitu orang lelaki. Kedua-dua perkataan kakak dan wira tidak pernah digunakan bagi merujuk kepada wanita kerana sudah ada kata gendernya, iaitu cantik dan wirawati. Bagi haiwan pula, gender hanya dibezakan dengan perkataan jantan dan betina misalnya ayam jantan dan ayam betina. Menurut Suhaidah dan rakan-rakan, (2014) mendapati bahawa kosa kata bahasa Melayu mempunyai leksikal gender, iaitu perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki atau perempuan dan yang bersifat neutral, yakni yang tidak merujuk kepada lelaki atau perempuan. Hal ini dapat dikenal pasti dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna. Penulis mendapati kelompok gender dapat dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu yang bersifat neutral, dan yang menunjukkan jantina lelaki atau perempuan. Antara ketiga-tiga kelompok ini, kelompok neutral nampaknya kelompok yang menjadi paling banyak. Selain itu, kata nama dalam Bahasa Melayu dibahagikan kepada 3 jenis seperti yang berikut:

JADUAL 3: KATA NAMA GENDER DALAM BAHASA MELAYU

Lelaki	Perempuan	Neutral
Baihaqi	Izzati	Baju
Ayah	Emak	Kasut
Gagah	Srikandi	Batu Pahat
Kacak	Cantik	Kelapa

3) Perbezaan Dan Persamaan Kalimah Leksikal Gender Antara Bahasa Melayu dan Arab

Hasil pemerhatian penulis mendapati kedua-dua bahasa mempunyai lexis kata gender namun berbeza dalam memperincikan jenis kata nama. Persamaan gender Bahasa Melayu dan Bahasa Arab terarah pada lexis perkataan yang dihaskan untuk manusia namun perbezaan yang ketara dapat dilihat pada lain-lain jenis perkataan seperti sifat, benda, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

JADUAL 4: PERBEZAAN GENDER

Kata Nama & Gender	Bahasa Arab			Bahasa Melayu		
	Lelaki	Perempuan	Neutral	Lelaki	Perempuan	Neutral
Manusia	x	x		x	x	
Haiwan	x	x		x	x	
Tempat	x	x				x
Benda	x	x				x
Tumbuhan	x	x				x
Sifat	x	x		x	x	x

Analisis Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada dapatan data dalam bentuk soalan pemahaman pelajar. Soalan pemahaman ialah satu data bertulis untuk melihat kemampuan pelajar memahami penggunaan gender yang betul. Sebanyak 30 orang pelajar diminta menentukan gender berdasarkan perkataan yang diberi oleh pengkaji. Sebelum memulakan ujian pemahaman, semua pelajar telah diberikan arahan yang jelas. Masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikan soalan ialah 30 minit. Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan dan menyerahkan kertas jawapan kepada pegawai peperiksaan apabila selesai menjawab. Data yang diperolehi ini dianalisis dalam bentuk bilangan pelajar dan jenis kata nama. Seterusnya, dapatan kajian akan dijelaskan dengan menggunakan jadual untuk memudahkan pembaca. Fokus utama pengkaji adalah untuk mengenal pasti kekeliruan kata nama gender berdasarkan aspek yang dipilih. Pengkaji akan membetulkan dan menghuraikan kesalahan aspek yang dipilih dengan terperinci. Di samping itu, kesalahan aspek lain turut dibetulkan.

Kesalahan pelajar dikenal pasti dan dikategorikan mengikut jenis kata nama:

JADUAL 5: BILANGAN DAN PERATUSAN KESALAHAN

PERATUSAN	KEKERAPAN	JENIS KATA NAMA
83%	25	الانسان
76.6%	23	الحيوان
50%	15	المكان
30%	10	النبات
93%	28	الجماد

Berdasarkan jadual di atas, didapati kesalahan menentukan gender pada kosa kata الجماد mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu hampir 28 orang membuat kesalahan (93%). Bilangan kedua paling tinggi ialah kesalahan pada kata nama الإنسان iaitu 25 orang mewakili (83%), (76%) الحيوان dan kesalahan menentukan gender pada kata nama المكان (50%) manakala bilangan pelajar yang paling sedikit adalah النبات yang mewakili dengan (30%).

JADUAL 6: KESALAHAN MENGIKUT JENIS KATA NAMA

BETUL		SALAH		الرقم	الكلمة
المؤنث	المذكر	المؤنث	المذكر		
/			/	1	حمزة
/			/	2	سمر
/			/	3	ماليزيا
/			/	4	لبنان
/			/	5	شمش
/			/	6	عين
/			/	7	أبل
/			/	8	فرس

Jadual di atas menunjukkan kesalahan pelajar dalam menentukan gender perkataan mengikut jenis samada lelaki atau perempuan. Bagi kalimah حمزة dan سمر, pelajar terkeliru kerana kata nama حمزة adalah nama lelaki dalam Bahasa Melayu namun pada Bahasa Arab ia jenis مؤنث لفظي begitu juga perkataan سمر merupakan perkataan perempuan walaupun tiada ciri-ciri gender perempuan. Pelajar merasa keliru terhadap semua contoh-contoh perkataan yang diberi kerana menyangka semua perkataan tersebut di kategorikan sebagai lexis lelaki. Namun hakikatnya semua lexis kalimah tersebut bergender perempuan. Berdasarkan kesalahan ini suka penulis ingin menyatakan antara ciri-ciri kenapa perkataan-perkataan tersebut tergolong dalam kelompok مؤنث (perempuan).

- Semua anggota tubuh manusia yang berpasangan pada tubuh manusia bergender perempuan kecuali pipi, kening, misai janggut, siku, tulang tangan, etc

- Semua anggota tubuh manusia yang tunggal adalah lelaki kecuali hati, lemak, limpa etc
- Semua huruf arab boleh di kategorikan lelaki atau perempuan tetapi perempuan lebih tepat.
- Nama-nama negara bergender perempuan kecuali negara Sudan, Morocco, Iraq, Lubnan, Somalia, Yaman dan Jordan.
- Nama bulan-bulan Islam adalah lelaki kecuali (جمادى الأولى) dan (جمادى الآخرة).
- Nama-nama suku kaum dan bangsa adalah perempuan.
- Kata nama arah adalah perempuan kecuali, depan dan belakang.
- Nama-nama gigi berciri perempuan kecuali gigi taring dan gigi bongsu.
- Nama- nama jari bergender perempuan kecuali ibu jari.
- Terdapat kata nama khas bagi haiwan seperti *جمل* untuk unta jantan dan *أبل* untuk unta betina.

Dapatan Kajian

Berikut adalah dapatan kajian yang dapat disimpulkan berdasarkan ujian yang diberikuit:

- Pada umumnya, mengenali lexis gender dalam kosa kata bahasa arab agak mudah berdasarkan ciri-ciri yang telah dinyatakan di atas namun disebabkan bahasa arab merupakan bahasa yang sangat memperincikan setiap kalimah maka berlaku kekeliruan bagi penutur bukan arab untuk mengenali gender dalam bahasa arab.
- Kesalahan menentukan gender pada *الجماد* adalah yang tertinggi diikuti oleh *الانسان* dan *الحيوان*. Manakala kesalahan pada *المكان* berkisar pada 15 orang dan *النبات* mencatatkan kesalahan paling sedikit iaitu 10 orang. Ini disebabkan oleh kekeliruan pelajar dalam membezakan sistem gender dalam tatabahasa nahu Arab.(Samah, Rosni 2012).
- Pelajar bergantung kepada penterjemahan untuk mengenali dan memahami lexis gender dalam bahasa arab.
- Penyampaian maklumat mengenai ciri-ciri kalimah gender dalam bahasa Arab perlu diperhalusi oleh guru dalam memastikan pelajar dapat maklumat yang mencukupi.
- Bahasa Melayu banyak dipengaruhi dengan budaya dan bahasa masyarakat arab namun bahasa melayu mempunyai gaya penstrukturan ayat tersendiri yang kadang kala memberi kesan dalam mempelajari bahasa kedua atau asing.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penulis memandang serius terhadap kelemahan penguasaan pelajar dalam mengenal dan menentukan gender dalam bahasa Arab. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan guru seharusnya lebih memperincikan dan menyampaikan maklumat yang secukupnya agar pelajar dapat meneliti perbezaan gender antara dua bahasa dan seterusnya dapat mengurangkan kesalahan dalam menentukan lexis gender kalimah bahasa arab. Bagi mengatasi masalah ini, objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu dilihat semula disamping terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan seperti memantapkan strategi pengajaran dan pembelajaran, penghasilan kamus perkataan gender, selain kaedah dan teknik yang digunakan guru perlulah bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Penulis merasakan segala kesalahan pelajar yang telah di analisis perlu dikumpulkan dan jadikan kajian bagi memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Kaedah kontrastif boleh digunakan sebagai salah satu cara untuk menghasilkan modul atau

kamus bahasa agar pelajar dapat mengenalpasti dan mempelajari kesilapan mereka seterusnya tidak mengulanginya kembali. Tambahan pula, sebaik-sebaik bahan pengajaran dan pembelajaran adalah hasil dari analisis perbandingan antara dua bahasa sasaran dengan melihat kesulitan dan kekangan dalam memahami perbezaan dan persamaan. Tindakan dan pendekatan yang lebih sesuai perlu di aplikasikan agar dapat membantu pelajar untuk lebih mendalami ilmu sesuatu bahasa.

Dartar Pustaka

- Alfa, M. S., Dollah, H., & Abdullah, N. (2015). Analysis of The Impact of Arabic-Malay Bilingual Dictionaries In Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 2(3).
- Shahman, B. (2012). *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learner's errors. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 5(1-4), 161-170.
- Jamali, H. N., Zaini, A. R., Ismail, M. R., Ku Azizan, K. F., Husin, M. N., & Abdul Rahman, A. (2011). *Penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*.
- Muradi, A. (2014). *Tujuan Pembelajaran Bahasa Asing (Arab) di Indonesia*.
- Baharudin, H., & Ismail, Z. (2015). Learning strategies of arabic language vocabulary for Pre-University students' in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(10).
- Muradi, A. (2014). أهداف تعليم اللغات الأجنبية والعربية في إندونيسيا. *Jurnal al-Ittihad* 142-121 ,(01)2 .
- Nair, A. B. (2013). *Cross–language Transfer of Phonological And Morphological Awareness Among Young Malay Second Language Learners*.
- Sahrir, M. S. (2013). Manfaat pelajari bahasa Arab. *Berita Harian*, 32.
- Samah, R. (2012). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12,555–569.
- Suhaidah, S., Siti Nurul Jannah, F., & Nor Suhaila, C. P. (2014). *Analisis gender dalam Bahasa Melayu dari sudut leksikal dan makna*.
- Teh, K. S. M. (2014). Analisis Kontrastif Hubungan Kata Kerja Transitif dan Objek Dalam Bahasa Arab dan Basha Melayu. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, 12(NA), 35-54.